



**ADAM YII SIEW SANG
MAYOR
MIRI CITY COUNCIL**

Jalan Raja, 98000 Miri, Sarawak.
Tel : 085-433501, 433504, 433505
Fax : 085-415486
www.miricouncil.gov.my



Certified to ISO 9001:2015
Cert. No. : QMS 02469

MAYOR PRESS RELEASE

Notis Premis-Premis Yang Ingin Menjalankan Perniagaan Di Miri

1. Kerajaan Malaysia telah bersedia untuk membuka semua ekonomi negara dengan membenarkan industri dan aktiviti perniagaan untuk beroperasi mulai 4 Mei 2020.
2. Sebagai langkah persediaan dan juga demi melindungi rakyat Sarawak, Kerajaan Negeri telah menyediakan Garis Panduan (SOP) yang disesuaikan untuk keadaan di Sarawak. Penerima pakaian SOP ini juga bersempena dengan pengumuman bahawa sebahagian industry dan aktiviti perniagaan di Sarawak akan dibenarkan beroperasi mulai 12hb Mei 2020.
3. Kebenaran beroperasi ini tertakluk kepada persediaan dan langkah-langkah yang diambil oleh perniagaan untuk memastikan pematuhan kepada Garis Panduan (SOP) yang telah ditetapkan di dalam dokumen ini.
4. SOP yang disediakan adalah untuk memastikan aspek kesihatan diutamakan dan terjamin dalam persekitaran di mana penularan wabak Covid-19 masih merupakan ancaman yang benar. SOP ini berhasrat untuk mengurangkan risiko kesihatan kepada orang awam dan di premis perniagaan, sekali gus mengelakkan perkhidmatan kesihatan di Negeri Sarawak dibebani sehingga tahap yang luar kawalan.
5. Melainkan sektor-sektor yang dinyatakan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang, kesemua sektor perniagaan yang lain dibenarkan untuk dibuka semula dan beroperasi berdasarkan SOP yang diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (SDMC) Sarawak untuk diguna pakai.
6. Oleh demikian, peniaga-peniaga yang berminat untuk menjalankan perniagaan perlu mengisi borang notifikasi secara **atas talian (Online)** melalui laman web Majlis Bandaraya Miri atau dengan "**link**" seperti dibawah sebelum perniagaan anda boleh beroperasi:
<https://community-service.sarawak.gov.my/community/loadLandingPageRegistration>
7. Selain itu, borang permohonan juga boleh didapati dari Pejabat Residen Bahagian Miri.
8. Semua borang notifikasi yang lengkap disi hendaklah dihantar ke Pejabat Residen Bahagian Miri..

Sekian dimaklumkan, terima kasih

Tarikh: 12.05.2020